



Azmi (tengah) bersama Timbalannya, Datuk Yong Lei Choo (kiri) dan Ketua Polis Daerah Brickfield, Asisten Komisioner Anuar Omar meninjau PKPD di Taman Bukit Angkasa di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Mohamad Shahril Badri Saali /BH)



Anggota PDRM dan ATM mengawal laluan masuk dan keluar Perumahan Awam Seri Sabah 3A di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Mohd Yusni Ariffin /BH)

PKPD di Selangor dan Kuala Lumpur

(4 Julai 2021) Berita Harian, p.9

Pemberian suntikan vaksin diteruskan

Lebih banyak PPV dibuka selepas penerimaan bilangan pelalian bertambah

Oleh Luqman Arif
Abdul Karim dan Faris Fuad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) akan menjalankan beberapa aktiviti, termasuk suntikan vaksin sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Selangor dan Kuala Lumpur.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata suntikan pelalian akan diberikan kepada penduduk di lahan mukim di Selangor dan 14 lokaliti di Kuala Lumpur, selain mereka yang tinggal di sekitar kawasan dike-

nakan PKPD.

Bagaimanapun, katanya, individu sedang menjalani kuarantin sebagai kontak rapat kes positif COVID-19 hanya akan menerima suntikan vaksin selepas sampel calitan kali kedua negatif.

“Bagi lain-lain individu, pemberian suntikan vaksin boleh dibuat di kawasan PKPD, mengikut perancangan oleh KKM,” katanya kepada BH, semalam.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, kelmarin, mengumumkan pelaksanaan PKPD di lahan mukim di Selangor dan lokaliti tertentu di Kuala Lumpur, selama 14 hari bermula semalam hingga 16 Julai ini.

Keputusan itu dibuat selepas kedua-dua negeri berkenaan menunjukkan pola jangkitan COVID-19 yang tinggi, dengan Selangor melaporkan kes harian antara 1,800 hingga 1,900, manakala Kuala Lumpur, 600 hingga 1,000 kes.

Sementara itu, Dr Adham menjelaskan, kadar pemberian

vaksin tertakluk kepada jumlah pelalian semasa yang diterima, justeru perancangan perlu dibuat secara teliti bagi memastikan penggunaan mengikut bekalan.

Dari Februari hingga Mei lalu, beliau berkata, bilangan vaksin yang diterima terhad, sekali gus menyebabkan pemberian dibuat secara bersasar kepada anggota barisan hadapan dan kumpulan rentan, termasuk penduduk berusia 60 tahun ke atas serta mempunyai penyakit kronik.

“Dengan penambahan penerimaan bilangan vaksin pada Jun secara mingguan, lebih banyak Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dan jenis PPV dibuka yang mana kadar pemberian vaksin juga meningkat.

“Kadar ini akan terus meningkat dengan peningkatan bekalan vaksin sehinggalah sasaran 70 hingga 80 peratus penduduk Malaysia diberi vaksin tercapai,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Azmi Abu Kassim, berkata KKM akan me-



Anggota tentera mengawal blok A8 flet Wangsa Maju Seksyen 1 yang dikenakan PKPD di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Aswadi Alias/BH)

mutuskan sama ada penduduk di kawasan dikenakan PKPD diberi vaksin di PPV bergerak dalam kawasan berkenaan atau perlu menunggu tarikh janji temu suntikan di luar kawasan terabit.

“Polis masih menunggu ‘lampu hijau’ daripada KKM berhubung proses pengambilan suntikan vaksin COVID-19 membabitkan penduduk di kawasan PKPD sekitar ibu negara. Prosedur operasi standard (SOP) PKPD di Kuala Lumpur ikut lokaliti, Selangor pula ikut mukim dan ada sedikit perbezaan.

“Kita menerima banyak aduan, termasuk kekeliruan mengenai isu suntikan vaksin. Perkara ini sedang dibincangkan dengan KKM. SOP khusus PKPD di Kuala Lumpur membenarkan pendu-

duk keluar untuk bekerja dalam sektor keselamatan, kesihatan, kecemasan serta kebajikan,” katanya.

Bercakap pada sidang media selepas meninjau PKPD di Taman Bukit Angkasa di sini, semalam, Azmi berkata, seramai 800 pegawai dan anggota polis terbabit dalam penugasan di 15 lokaliti PKPD di ibu negara.

“Kita juga akan mendapat bantuan agensi lain seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

“Kita tidak menambah jumlah sekatan jalan raya susulan PKPD ini, sebaliknya kekal kekal dengan 17 SJR namun akan menambah beberapa elemen dalam penugasan lain,” katanya.